

Universiti Malaysia Sabah komited kukuh kawasan hijau

NST 19.4.2013 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited untuk mengukuhkan kepentingan kawasan hijaunya yang dikenali sebagai 'urban forest', kata Naib Canselornya Prof Datuk Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata hampir 60 peratus kawasan di UMS merupakan kawasan hijau yang terdiri dari tanaman lanskap dan hutan semulajadi.

"Dengan adanya kawasan hijau, proses penyerapan bahan karbon dapat dilakukan secara semula jadi. Proses penyerapan karbon akan menjadikan UMS sebuah kawasan 'perbandaran' yang berkarbon rendah kerana setiap jajaran jalan rayanya di kelilingi pokok naungan," katanya pada majlis perasmian Hari Perhutanan Sedunia 2013 peringkat UMS di kampus utama Likas kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Shahril Yusof. - Bernama